

TEKS UCAPAN
BRIG.JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN BESBOL RAJA MUDA
PERLIS 2011
PADA 29 MEI 2011 BERTEMPAT DI
PERKARANGAN STADIUM UTAMA, KANGAR, PERLIS

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan
Salam 1 Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkup Tuanku Canselor UniMAP Dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP.

Terlebih Dahulu Patik Bagi Seluruh Warga Kerja UniMAP Ingin Merafak Sembah, Menjunjung Kasih Yang Tidak Terhingga Di Atas Perkenan Duli Tuanku Berdua Bercemar Duli Berangkat Ke Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Besbol Piala Raja Muda Perlis 2011 Ini. Sesungguhnya Kehadiran Duli Tuanku Berdua Ke Majlis Ini Amat Besar Ertinya Buat Kami Semua Di Universiti Ini.

Ampun Tuanku,

Izinkan Patik Menyampaikan Ucapan Kepada Barisan Tetamu Yang Hadir.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Berbahagia Datin Seri,

Yang Berbahagia Dato' Noh Abdullah
Presiden Persekutuan Besbol Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim
Pengerusi Bank Rakyat
Naib Presiden Persekutuan Besbol Malaysia

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri
Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berhormat Dato' Azizan Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP.

Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Yang Berhormat
serta isteri,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP. Dif-Dif Kehormat

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan.

Exco Persekutuan Besbol Malaysia

Pengurus Pasukan dari IPTA/IPTS

Jawatankuasa Pertandingan

Wakil-wakil media, Peserta Kejohanan Besbol Piala Raja Muda Perlis
2011 seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya dapat kita berkumpul bersama pada petang ini bagi menyempurnakan Upacara Perasmian Penutup Kejohanan Besbol Piala Raja Muda 2011 ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jawatankuasa di bawah pimpinan En Afizal Abu Othman dan En. Hirwan Jasbir Jaafar yang bertungkus lumus dalam memastikan kejohanan ini berjalan lancar.

Hadirin sekalian,

Sukan ini merupakan antara sukan yang popular di negara Amerika Syarikat, Jepun, China dan Australia. Permainan ini juga boleh dikatakan setaraf dengan bola sepak dan bola keranjang, namun di negara kita, permainan ini kurang mendapat perhatian dari golongan remaja dan kanak-kanak.

Saya percaya suatu masa dahulu ramai diantara kita yang pernah bermain permainan ini, tetapi apabila meningkat remaja permainan ini semakin dilupakan selari dengan kemajuan teknologi di mana remaja ini lebih cenderung untuk bermain permainan video dan komputer berbanding aktiviti luar.

Hadirin sekalian,

Atas kesedaran ini, UniMAP dengan Persekutuan Besbol Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Majlis Sukan Negeri Perlis menganjurkan Kejohanan Besbol Piala Raja Muda Perlis 2011 buat

julung kalinya pada tahun ini. Sebagai sebuah IPTA juga, UniMAP sedar tentang kepentingannya dalam membantu melahirkan atlit pelapis dalam sukan besbol, ia juga salah satu inisiatif UniMAP untuk menaikkan kembali minat golongan mahasiswa terhadap sukan ini, kerana selain dapat mengisi masa lapang sukan ini juga mempunyai masa depan yang cerah di peringkat antarabangsa.

Saya dimaklumkan, untuk kejohanan sulung yang bermula dari 25 Mei lalu, sebanyak lima pasukan dari beberapa agensi pendidikan dari Perlis dan Kedah telah mengambil bahagian. Untuk makluman semua, UniMAP merupakan perintis kepada Kejohanan Besbol di kawasan utara dan ini merupakan satu permulaan yang baik untuk UniMAP dan negeri Perlis dalam usaha memertabatkan sukan ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas kepada para peserta yang mengambil bahagian pada kejohanan kali ini. Pada masa akan datang, diharap lebih banyak IPT akan bertanding, bukan sahaja IPT tempatan, tetapi seluruh Asia hendaknya.

Hadirin sekalian

Adalah menjadi harapan saya, untuk melihat penganjuran kejohanan ini akan dapat menarik lebih banyak lagi pasukan pada tahun hadapan. Saya juga berharap untuk menjadikan kejohanan ini sebagai

kejohanan yang berprestij setanding dengan kejohanan-kejohanan besbol di peringkat kebangsaan dan seterusnya mengangkat Negeri Perlis sebagai Pusat Besbol Malaysia.

Kejohanan ini merupakan medan untuk anda mempamerkan kebolehan dan potensi diri dalam sukan besbol. Mana tahu, bermula dari kejohanan ini anda mungkin bergelar atlet negara.

Saya tidak ingin bercakap panjang pada hari ini dan sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan dikalungkan kepada semua pasukan yang bertanding. Tahniah pada pasukan yang berjaya, dan pada yang tidak berjaya, teruskan usaha memperbaiki diri dan cuba lagi pada tahun hadapan.

Sebelum mengakhiri ucapan pada petang ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun buat semua tetamu yang hadir:

Pergi Ke Pantai Mencari Lokan
Lokan Dimasak Tiga Rasa
Anjuran Pertama, Sebagai Pengenalan,
Menjadi Perintis Ke Peringkat Antarabangsa,

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku kerana sudi bercemar Duli berangkat ke majlis pada petang ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Terima Kasih